

Aras Pemikiran

**Afandi Bin Kamaruzaman , Mohd Yusrizal Bin Mohd Noor , Barharudin Bin Zainal
Abidin Muhammad Zaini Bin Othman**

Pemikiran boleh dikategorikan kepada beberapa bentuk menikut aras tertentu:

1. Aras khayalan atau angan-angan

Aras khayalan atau angan-angan merupakan aras yang paling rendah. Pada tahap ini, kegiatan mental akan berhubung dengan minat dan berkait rapat dengan kecenderungan berbentuk escapism, iaitu melarikan diri dari dunia sebenar ke dunia khayalan.

2. Aras penikmatan Rasa Indah

Aras ini lebih baik daripada aras khayalan. Pada tahap ini, gerak balas mental mempunyai komponen emosi yang kuat. Pemikiran pada tahap ini tertumpu kepada penghargaan terhadap nilai seni.

3. Aras memperoleh Maklumat

Pada tahap ini, tindakan mental berupaya meresap dan mengingat kembali sesuatu kenyataan dan memperoleh pangalaman baru. Kesalahan dapat dielakkan dengan maklumat yang lengkap.

4. Aras pemikiran Reflektif

Aras pemikiran reflektif bermaksud penyelesaian masalah. Pada tahap ini, pemikiran mengimbas kembali maklumat dan membantu menyelesaikan masalah tersebut.

5. Aras pemikiran Kreatif

Pada tahap ini, pemikiran memberikan pertimbangan terhadap aktiviti menyusun dan mengeluarkan pengalaman supaya idea baru timbul.